

DATE : 20 November 2013
PUBLICATION : Utusan Malaysia
SECTION : Bisnes
HEADLINE : Maybank sasar RM100j



Maybank sasar RM100j

Oleh Fazrina Ayu Raduan
ekonomi@utusan.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif Maybank AM, Nor Azamin Saleh (dua kiri) serta Ketua Kewangan Pengguna Maybank, Hamirullah Boorhan (tiga kanan) bersama pengurusan kanan Maybank AM dan Templeton bergambar selepas melancarkan dana bon global Maybank di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM) menasaskan langganan sebanyak RM75 juta sehingga RM100 juta bagi tempoh 12 bulan menerusi pelancaran Dana Bon Global Maybank, hari ini.

Manakala, sasaran bagi tempoh tiga bulan adalah sebanyak RM50 juta.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Loh Lee Soon berkata, pengenalan bon ini adalah yang pertama kali seumpamanya di negara ini.

Katanya, ia menawarkan kepada pelabur peluang untuk mempelbagaikan portfolio dengan penilaian yang menarik di seluruh dunia, serta membolehkan pelabur mendapat manfaat daripada mata wang yang lebih murah dan hasil yang lebih tinggi.

"Maybank AM telah memasuki fasa kedua pertumbuhan dan kita akan melihat pengembangannya termasuk kemampuan pengeluaran dan penerimaannya di rantau ini.

"Biarpun kita telah terkebelakang selama dua tahun dalam pasaran, Maybank AM kini telah mempunyai kedudukan yang kukuh di dalam pasaran Malaysia, Singapura, Thailand dan terbaharu di Indonesia," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Maybank AM juga telah berkerjasama dengan Templeton untuk program ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pelaburan Serantau, Badrul Hisyam Abu Bakar dan Ketua Pelaburan Rantau Asia Franklin Templeton, Stephen Grundlingh.